

BAB IV

## **ISI KANDUNGAN**

### **BAB IV**

#### **PENYEBARAN ISLAM DI POST BROOK.**

- 4.1 Sejarah Post Brook.
- 4.2 Asal Usul Masyarakat Asli Di Post Brook.
- 4.3 Keadaan Masyarakat Asli Di Post Brook.
  - 4.3.1 Ugama.
  - 4.3.2 Ekonomi.
  - 4.3.3 Sosial Dan Budaya.
- 4.4 Institusi Sosial Orang Asli Di Post Brook.
- 4.5 Kemasukan Islam Di Post Brook.
- 4.6 Pelopor Kepada Penyebaran Islam.
- 4.7 Islam Di Post Brook.
- 4.8 Faktor Tertarik Kepada Islam.
- 4.9 Pendekatan Islam Di Post Brook.
- 4.10 Permasalahan;
  - Dalaman.
  - Luaran.
- 4.11 Keberkesanan.

## BAB IV

### PENYEBARAN ISLAM DI POST BROOK.

#### 4.1 Sejarah Post Brook.

Post Brook merupakan salah satu tempat yang menjadi tumpuan penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Dalam era penyuburan dan perkembangan Islam kearah yang lebih universal, Post Brook merupakan salah satu sasarannya. Post Brook terletak jauh di pendalaman malah begitu terasing dari arus tamaddun. Kedudukannya adalah bersempadan dengan Vlue Veley di Cameron Highland dan di Lojing Jajahan Kelantan. Berada di bawah banjaran Titiwangsa. Dari segi perhubungan kawasan ini agak sukar untuk dihubungi dengan kenderaan biasa dan jaraknya dari Gua Musang sejauh 100 km. Ianya menghubungkan dengan negeri Pahang dan Perak manakala jarak dari Kota Bharu ialah 286km.<sup>110</sup> Post Brook adalah antara tempat yang paling jauh dari kalangan Post-Post di Kelantan.

Post Brook merupakan pusat pentadbiran bagi 14 buah kampung-kampung lain yang terdiri daripada: Kg. Sandrop, Kg. Sigar, Kg. Sang Wai, Kg. Sing Sang, Kg. Keng Kong, Kg. Jel Jok, Kg. Inset, Kg. Məndrop, Kg. Jel Gek, Kg. Liak, Kg. Sipek, Kg. Lojing, Kg. Post Brook Lama, Kuala Renggi.<sup>111</sup>

<sup>110</sup> Temubual Dengan En. Idruos Sulaiman, Bahagian Pembangunan Masyarakat, JHEOA, Kota Bharu, 28 Mac 1998.

<sup>111</sup> Temubual Dengan Us Ahmad Nordin, MAIK.

Bermulanya Post Brook di zaman darurat, dimana pada tahun 1948 Orang Asli dikumpulkan oleh tentera British untuk mengelak daripada mereka di hubungi oleh pihak Parti Komunis Malaya (PKM). Maka mereka ditempatkan di satu penempatan baru yang dikawal oleh pasukan keselamatan dari golongan Cina dan Melayu.<sup>112</sup>

Pada asalnya tempat ini tidak mempunyai apa-apa nama. Ia merupakan penempatan baru yang diberi nama bersempena dengan nama seorang pegawai tentera British iaitu Kapt. James Scott Brook.<sup>113</sup> Perkampungan baru ini diwujudkan sebagai tempat untuk membuat pengawasan dan melawan komunis yang bergerak di sempadan negeri Pahang dan Perak. Di samping itu, tentera ini juga adalah sebagai pengawal kepada Orang Asli yang selalu dihubungi oleh komunis untuk mendapatkan bekalan makanan dan sebagainya.<sup>114</sup>

Tempat ini dipilih sebagai kubu kerana kedudukannya agak strategik dan mudah bagi tentera British mengarahkan sesuatu perintah dalam usaha menbentras komunis.

Walaupun begitu ada pendapat lain yang mengatakan asal usul nama Post Brook dipetik dari nama sebuah sungai di kawasan tersebut iaitu sungai Brook.<sup>115</sup> Namun apapun, kenyataan pertama adalah lebih tepat dan boleh diterima, bahkan

<sup>112</sup> En. Harun Che Muda, (tt), **Jabatan Orang Asli Dahulu dan Sekarang**, JHEOA, Kota Bharu.

<sup>113</sup> Kapt. James Scott Brook adalah pemerintah kubu tentera British di zaman darurat pada tahun 1948.

<sup>114</sup> En. Idruos Sulaiman, Op cit.

<sup>115</sup> Temubual Dengan Us. Ahmad Nordin, MAIK.

nama sungai Brook disepadankan sempena dengan nama penempatan Brook,<sup>116</sup> kerana selalu dalam masyarakat Orang Asli atau Melayu di Malaysia nama tempat disepadankan dengan nama pokok atau peristiwa ganjil. Oleh itu nama Brook diberikan oleh Inggeris.

Masyarakat Orang Asli terutamanya di Post Brook adalah sebuah masyarakat yang hidup bebas dan aman damai di dalam hutan tanpa ada apa-apa gangguan dari mana-mana pihak. Tetapi pada tahun 1948, apabila kerajaan mengistiharkan darurat kedamaian dalam hutan mula terancam. Pasukan pengganas komunis, terutama lewat 1956, telah melancarkan kegiatan di kawasan pendalaman. Mereka menggunakan kaum-kaum Orang Asli sebagai saluran untuk mendapatkan sumber makanan.<sup>117</sup>

Di sebabkan keadaan ini Kerajaan Kolonial Inggeris pada masa itu telah mengadakan satu rancangan penempatan dan pengelompokan semula masyarakat Orang Asli ia dikenali dengan rancangan Briggs.<sup>118</sup> Melalui perancangan ini telah menampakkan hasil kejayaan dalam membendung kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM) berleluasa di sempadan yang terpencil dengan mendapat bantuan dan kerjasama dari pemuda-pemuda masyarakat Asli. Mereka ini lebih tahu selok belok

<sup>116</sup>En. Idrus Sulaiman, Op cit.

<sup>117</sup>Sulaiman Masri, (1978), **Senoi Praaq: Orang Perang Orang Asli**, Dewan Masyarakat, DBP, Kuala Lumpur, Feb, hal 3.

<sup>118</sup>Rancangan Brigg's (Brigg's Plan) adalah satu program untuk mengelompokkan dan menempatkan semula masyarakat yang bertaburan di dalam hutan di satu kawasan baru bagi mengelak dari mereka dihubungi oleh Komunis mendapatkan bantuan.

tentang perisikan dan ketenteraan terutama di dalam hutan bagi mematahkan pergerakan komunis.<sup>119</sup>

Dengan adanya pengawalan ini banyak kebaikan untuk Orang Asli mahupun negara secara amnya. Segala kegiatan Orang Asli selepas itu lebih terkawal dan keselamatan mereka lebih terjamin dalam menguruskan segala gerakkerja seharian. Sumbangan-sumbangan yang diberikan telah membantu kerajaan kolonial Inggeris dalam membentras kegiatan komunis<sup>120</sup> yang mengancam keselamatan dan keamanan Malaya pada waktu itu.

#### 4.2 Asal Usul Masyarakat Orang Asli Di Post Brook.

Dalam kita memperkatakan mengenai asal usul manusia sama ada individu mahupun masyarakat tidak dapat kita nafikan, bahawa setiap individu yang lahir dan wujud dalam dunia ini adalah mempunyai asal keturunan. Pada hakikatnya kejadian manusia berasal dari Adam dan Hawa. Namun begitu pertambahan keturunan manusia daripada zuriat Adam a.s telah memperkembangkan manusia kepada beberapa peringkat perubahan yang akhirnya telah melahirkan manusia yang berbangsa-bangsa dan kaum-kaum tertentu yang wujud pada hari ini.

<sup>119</sup>H.M Dahlan & Shamsul Amri, (1978), **Penyelidikan Mengenai Orang Asli Dulu Dan Kini**, Dewan Masyarakat, DBP, Kuala Lumpur, Feb, hal 5.

<sup>120</sup>Sulaiman Masri, (1978), **Senoi Praaq: Orang Perang Orang Asli**, Dewan Masyarakat, DBP, Kuala Lumpur, Feb, hal 3.

Masyarakat Orang Asli adalah salah satu daripada pecahan tersebut. Cuma keadaan mereka hari ini yang diertikan sebagai masyarakat Orang Asli kerana ianya dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang merangsang mereka hidup dalam keadaan demikian dan terus meletakkan mereka dalam dua keadaan berbeza dengan masyarakat yang telah lama bertamaddun. Walaupun begitu bukanlah mereka terus tertinggal dari arus ketamaddunan bangsa. Malah mereka sekarang telah mengalami dan mengecapi arus perubahan membentuk masyarakat berbudaya maju sama taraf dengan masyarakat lain seperti Melayu, Cina dan bangsa lain di Semenanjung.

Kehadiran dan kedatangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu telah dicatatkan dalam beberapa kajian sebagai suatu fakta sejarah. Fakta-fakta ini telah menjadi penumpuan para pengkaji sejarah sama ada tempatan ataupun Barat tentang asal usul mereka. Ada berbagai tanggapan dan kesimpulan dibuat terhadap mereka.

Dalam penelitian yang dibuat terhadap penempatan Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu menurut pembahagian geografi, mendapati bahawa masyarakat Orang Asli di Post Brook majoritinya adalah terdiri daripada kaum Senoi-Temiar.

Menurut En. Idruos Sulaiman "Masyarakat Asli Temiar adalah dari suku kaum atau bangsa Senoi" ini jelas ditunjukkan dalam fakta sejarah bahawa kaum Senoi berasal dari empayar Campa, Yunan yang berhijrah ke Tanah Melayu.<sup>121</sup>

---

<sup>121</sup>En. Idruos Sulaiman, Op cit.

Ada pendapat lain pula mengatakan masyarakat Asli Senoi - Temiar berasal dari Mon Khmer, Cambodia dan Vietnam Semenjak 8,000 tahun yang lampau.<sup>122</sup>

Pendapat-pendapat yang diutarakan di atas, menunjukkan masyarakat Asli Senoi-Temiar adalah masyarakat pendatang yang mula bertapak membina penempatan untuk memulakan kehidupan dengan menerokai hutan. Kehidupan mereka akan berterusan demikian selama mana arus pembangunan kemodenan bangsa yang telah dilalui oleh masyarakat bandar dalam semua aspek kehidupan tidak diserapkan kepada mereka sama. Kejauhan mereka dari kemudahan perhubungan menyebabkan keadaan mereka terus menerus demikian dan kehidupan mereka tetap suka memburu serta berpindah randah.

Sebenarnya masyarakat Melayu pun merupakan asal dari kalangan masyarakat Asli. Cuma arus perubahan lebih dahulu berlaku kepada kelompok ini berbanding Orang Asli, kerana Melayu lebih dahulu terdedah kepada arus pembangunan. Ketamaddunan masyarakat Melayu adalah dimulakan oleh mereka yang tingal di tepi pantai. Golongan ini lebih terdedah kepada masyarakat luar kerana kedudukan Malaysia merupakan laluan strategik sejak dahulu hingga sekarang. Ini menyebabkan mereka cepat menerima apa-apa jua perubahan dari dunia lain yang sudah lama bertamaddun. Manakala masyarakat Asli masih kekal dengan nama mereka

---

<sup>122</sup>Hj. Nik Hassan b. Dato' Hj. Nik Yusoff, (1993), **Pengenalan Rengkas Masyarakat Orang Asli, Adat Resam dan Kebudayaan**, JHEOA, Kota Bahru.

sedemikian kerana mereka membina penempatan di pendalaman yang berbukit di samping meneruskan cara hidup seperti asal mereka.

#### 4.3 Keadaan Masyarakat Orang Asli Post Brook.

Kumpulan masyarakat Orang Asli merupakan sebuah masyarakat yang dibentuk oleh kelompok-kelompok mereka yang telah lama menetap di dalam hutan. Masyarakat mereka terbentuk sama ada melalui individu yang telah berkeluarga ataupun tidak. Apabila di sebut sebuah masyarakat ianya tidak dapat lari dari sistem dan struktur kehidupan malah mempunyai bentuk organisasi tersendiri. Kehidupan masyarakat Asli di mana-mana sekalipun sama sahaja, tetap mempunyai bentuk kehidupan dan pegangan yang menjadi budaya mereka.

Dalam hal ini masyarakat Asli di Post Brook tidak dapat lari dari keadaan ini di mana kemasyarakatan yang terbina walaupun di pendalaman mempunyai cara dan peraturan yang telah diamalkan semenjak zaman berzaman sama ada dari aspek keagamaan, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Kehidupan mereka adalah bersistem dengan tatacara mengikut keadaan masyarakat mereka.

Jadi di sini masyarakat Asli di Post Brook boleh dilihat dari beberapa aspek kehidupan berpandukan beberapa sudut yang telah di perkatakan di atas. Antaranya adalah seperti berikut:

#### 4.3.1 Agama.

Agama adalah suatu fitrah dalam kehidupan manusia, kerana manusia merupakan makhluk yang mempunyai kelemahan dan kedangkalan dalam memahami sesuatu, oleh itu pengetahuan yang amat dangkal inilah, banyak sekali peristiwa yang berlangsung di alam sekitar dan dalam diri manusia sendiri tidak difahaminya. Mana yang tidak difahami itu dimasukkannya ke dalam alam ghaib. Mereka merasa lemah menghadapi perkara-perkara ghaib. Dalam kelemahan itu mereka mencari perlarian kepada tenaga yang menguasai perkara-perkara itu, iaitu dewa-dewa. Mereka percayai, mereka sembah, mereka puja, dikuasainya. Kerana banyak perkara dalam kehidupan tidak dikuasai, ghaib bagi mereka, maka hubungan dengan dewa-dewa dalam kehidupan amatlah akrabnya. Hubungan itu dilakukan dalam perkara-perkara sosial, ekonomi, pentadbiran masyarakat, kesenian, kerja, pendidikan dan lain-lain. Kepercayaan dan sistem hubungan dengan dewa-dewa itu membentuk agama. Demikian akrabnya hubungan manusia dengan dewa-dewa menyebabkan agama tidak mungkin dipisahkan dari kehidupan sehari-sehari.<sup>123</sup>

Dalam kita membicarakan tentang masyarakat Asli di Post Brook, seeloknya kita membincangkan perkara pokok yang menjadi pegangan sebuah masyarakat. Orang Asli di kawasan ini seperti juga kawasan-kawasan

<sup>123</sup>Dr. Harun Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh dan Drs. Sidi Gazalba, (1985), **Manusia Dan Islam**, PDRM, Kuala Lumpur, hal 567.

lain mempunyai kepercayaan agama seperti mana-mana masyarakat Asli yang ada di Semenanjung Malaysia amnya dan secara khususnya di Kelantan. Oleh kerana mereka tinggal di kawasan pendalaman yang terpisah dari arus kemajuan yang pesat, kehidupan mereka adalah mundur dan ketinggalan dalam serba serbi jika dibandingkan dengan kaum lain. Peringkat awal kehidupan masyarakat ini, adalah menganut kepercayaan animisma yang dibawa oleh nenek moyang mereka sama ada dari aspek agama mahupun bidang-bidang lain. Namun begitu semenjak beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat sebilangan kecil mereka telah meninggalkan kepercayaan karut dan menganut agama lain seperti Islam Kristian, dan segelintir dari mereka menganut agama Bahai.<sup>124</sup>

Berpandukan kepada perkembangan yang ada sekarang, fahaman animisma anutan kaum Asli di Post Brook sedang ditinggalkan sedikit demi sedikit dan sedang menuju ke era pembangunan dan perubahan pemikiran yang efektif dalam mencapai erti penghayatan yang sebenar. Dengan ini kepercayaan animisma amat berlawanan dengan kehidupan moden. Sebagai pilihan, mereka perlu menganuti agama yang sesuai, serasi dan selari dengan keadaan diri mereka. Mereka perlu berbuat demikian kerana animisma bukan merupakan suatu agama. Malah orang yang berpegang pada animisma tidak boleh digolongkan ke dalam golongan orang yang mempunyai agama.<sup>125</sup>

<sup>124</sup>Othman Hj. Ibrahim, (1995), **Gerakan Dakwah Di Kalangan Orang Asli, Dalam mekanisma Dakwah: Pendekatan Kepada Masyarakat Di Pendalaman**, MAIK, Kota Bharu, hal 61.

<sup>125</sup>Ibid, hal 17.

#### 4.3.2 Ekonomi.

Sistem ekonomi adalah suatu yang perlu ada dalam sebuah masyarakat sama ada dalam bentuk individu maupun keluarga dan juga negara. Asas kekuatan sesuatu bangsa adalah berteraskan kepada kekuatan ekonomi bagi menggerakkan perjalanan program-program lain. Apabila dianalisis kepada pandangan-pandangan badan-badan yang telah masuk ke kawasan orang Asli khususnya di Post Brook dapat disimpulkan bahawa sistem ekonomi yang dibuat dan dijalankan adalah sistem yang hanya untuk menjamin kehidupan mereka sehari-hari. Sistem ini merupakan suatu sistem yang tidak boleh merubah keadaan mereka dalam struktur pembangunan lain kini dan dalam perlumba dengan kaum lain bagi mencapai kemajuan yang lebih baik.

Pada peringkat awal kehidupan Orang Asli hanya mencari makan di dalam hutan khususnya melalui aktiviti pengeluaran rotan. Akan tetapi arus perubahan dalam masyarakat mereka telah diserapi oleh unsur-unsur luar, telah mengheret mereka sama dalam kancang pergelutan mencari sumber ekonomi di bidang lain seperti bekerja balak dengan tauke-tauke Cina. Ini bermakna mereka telah mendapat gaji tetap setiap bulan.

Unsur-unsur kehidupan di zaman dahulu kala telah semakin di tinggalkan. Menurut temuramah yang dibuat terhadap Masyarakat Orang Asli Post Brook, mereka mengerjakan kebun untuk menambah hasil mahsul ekonomi mereka sama ada mereka berkebun sendiri atau berkerja di kebun-kebun sayur kepunyaan Cina untuk mendapat upah. Ada juga bercucuk tanam

sendiri dan menjual hasil-hasil mereka di pekan-pekan atau kepada masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran mereka.

Mereka juga berusaha mencari rotan atau buluh-buluh untuk dibuat bakul dan hasil tersebut mereka jual sama ada secara bawa keluar ke Pekan seperti di Tapah, Perak atau ada beberapa pihak datang mengambil hasil-hasil pencarian mereka. Dengan cara beginilah, mereka akan mendapat hasil untuk menyara kehidupan keluarga-keluarga mereka.

Di samping itu ada juga dari kalangan masyarakat Orang Asli di Post Brook bekerja sebagai pembalik dengan tauke-tauke balak. Cara ini sedikit sebanyak akan menjadikan mereka terpengaruh dengan aktiviti yang lebih sistematis dan dengan sendirinya mereka akan ada perubahan dalam diri untuk mencari sumber rezeki. Ini bermakna perubahan dalam aspek ekonomi lebih cepat dari perubahan sosial suatu hari nanti tidak keterlaluan kalau kita katakan mereka akan bersaing dalam bidang ekonomi dengan masyarakat yang telah lama bertamaddun dan maju dalam bidang ekonomi.

#### 4.3.3 Sosial Dan Budaya.

Dalam kita membincangkan soal masyarakat Orang Asli atau mana-mana masyarakat sekalipun ianya tidak terlepas dari membincangkan keadaan satu-satu masyarakat itu dari aspek sosial dan budaya. Sesebuah masyarakat dikenali melalui lambang kebudayaan dan kehidupan sosial. Bila disebut satu-satu kebudayaan mahupun kehidupan sosial, orang asing atau

luar akan tergambar masyarakat tersebut. Mengenali budaya dan adat resam satu-satu bangsa merupakan prasyarat dalam mendekati masyarakat tersebut.

Begitu juga dalam memperkatakan kehidupan sosial masyarakat Orang Asli di Post Brook. Dari hasil pembacaan dan temuramah dengan orang-orang tertentu yang berpengalaman luas dengan masyarakat Asli Post Brook mengatakan mereka ini mempunyai budaya tersendiri yang menjadi lambang kemegahan mereka.

Kalau dilihat kehidupan sosial masyarakat Asli di Post Brook dari aspek hubungan masyarakat sesama mereka adalah baik dan akrab. Tidak ada sifat hasad dengki, mereka bersatu padu dan mendengar kata-kata ketua mereka, selalu berkerjasama dalam mencari sumber rezeki ataupun ketika kaum lelaki keluar memburu, hanya tinggal kaum perempuan sahaja yang menunggu kampung.<sup>126</sup>

Meskipun kaum Asli tergolong dalam kumpulan etnik yang majoritinya tidak berpelajaran, dan ketinggalan dalam serba serbinya, namun mereka mempunyai disiplin sosial yang baik dan patuh kepada ketua dalam segenap urusan. Sebab itulah perpaduan di kalangan mereka amatlah erat kerana masing-masing patuh kepada ketua yang menjadi tulang belakang kepada keharmonian hidup mereka.

---

<sup>126</sup>Us. Ahmad Nordin, Op cit.

Di Kalangan masyarakat Asli, kes-kes jenayah seperti kecurian, rompakan, pergaduhan, rogol, pembunuhan dan sebagainya tidak kedengaran berlaku walaupun di kawasan kediaman mereka tidak ada polis. Sekiranya ada kes kecil yang dilakukan oleh anak-anak muda tempatan, ianya dirujukkan kepada penghulu yang bertindak sebagai hakim untuk menjatuhkan hukuman. Hukuman yang dijatuhkan oleh penghulu lazimnya berbentuk denda dengan wang di mana denda itu hendaklah dibayar kepada mangsa. Jika denda tersebut tidak mampu dibayar sekaligus, ianya boleh dibayar secara ansuran.

Perbalahan antara jiran tidak berlaku walaupun di kalangan mereka ada melakukan kesilapan. Ini berpunca dari semangat kejiraninan yang tinggi yang sama-sama dihayati oleh penduduk serta serta semangat taat setia.<sup>127</sup>

Dari segi kehidupan, mereka berpegang kepada prinsip susah sama ditanggung, senang sama di rasa. Amalan tolong menolong dan bantu membantu dalam menghadapi susah senang secara kolektif, mengambarkan bahawa masyarakat Asli di Post Brook pandai mengatur kehidupan walaupun mereka hidup dalam serba kepayaan dan penuh dengan cabaran. Amalan ini telah menjadi adat mereka dan akan dipertahankan sampai bila-bila.

Antara lain juga kita boleh lihat dari sudut budaya yang diamalkan oleh masyarakat Asli di Post Brook yang menjadi daya tarikan ialah

<sup>127</sup>Othman Hj. Ibrahim, Op cit, hal 48.

bersewang. Kebudayaan ini masih dijalankan sehingga sekarang dan masih hidup segar sebagai cara hidup masyarakat mereka.

Sewang merupakan seni kebudayaan tradisional yang diwarisi oleh orang Asli sejak turun temurun lagi. Komponen sewang terdiri daripada nyayian oleh yukang lagu, lazimnya Tok Bomoh atau 'Halak'. Paluan muzik daripada buluh 'Centong' dan tarian 'Kerjer'<sup>128</sup>. Sewang biasanya dipersembahkan secara berkumpulan atau beramai-ramai. Ada beberapa jenis sewang yang terdapat dalam budaya masyarakat orang Asli seperti meraikan tetamu, berubat, berbuka pantang, perkabungan kematian, membuka ladang baru, dan pesta selepas menuai padi. Tarian tersebut seperti 'Peh Poh'<sup>129</sup>. Lazimnya Sewang diadakan pada waktu malam hingga dinihari.<sup>130</sup>

Dalam hal kematian pula menurut adat suku kaum Temiar, mayat segera dikebumikan tanpa menunggu hari keesokkannya, kecuali kematian itu berlaku di waktu malam. Semasa menjalankan kerja-kerja mengapan, mayat dipakaikan dengan pakaianya yang terbaru dan semua barang-barang

<sup>128</sup>Kerjer - bermaksud dalam bahasa Melayu ialah 'kejar'

<sup>129</sup>Peh Poh - bermaksud dalam bahasa Melayu ialah 'Joget'

<sup>130</sup>Temubual Dengan En. Harun Che Muda, Pegawai Pebangunan Masyarakat, JHEOA, Kota Bharu, 28 Mac 1998.

kepunyaannya senasa hayat seperti kain baju, periok kuali, tikar bantal, dan lain-lain ditanam bersama-sama mayat. Orang-orang yang masih hidup dianggap zalim jika menggunakan barang-barang milik si mati itu. Jika simati tidak mempunyai barang-barang kegunaan yang sewajar maka saudara mara atau jiran tetangganya akan memberi barang-barang kegunaan mereka untuk ditanam bersama-sama mayat itu.<sup>131</sup>

Suasana adat perkahwinan di antara kaum-kaum Orang Asli adalah berbeza-beza, walaupun begitu perayaan berkaitan dengan perkahwinan disambut meriah dengan dihadiri oleh semua jiran-jiran yang tinggal berhampiran.

Dalam pada itu ada juga adat perkahwinan Orang Asli dibuat secara lengkas, di mana setelah teruna dara berstuju untuk kahwin dan direstui oleh ibu bapa pihak perempuan, maka si lelaki datang tidur dengan perempuan. Dengan itu jadilah mereka suami isteri. Adat ini memang berlaku dalam masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar yang menetap di Kelantan. Dalam adat mereka tidak ada akad nikah yang dilakukan oleh jurunikah atau wali

---

<sup>131</sup>Othman Hj. Ibrahim, Op cit, hal 34.

kepada si perempuan sebagaimana yang terdapat dalam ajaran Islam.<sup>132</sup>

#### 4.4 Institusi Sosial Orang Asli Di Post Brook.

Masyarakat Orang Asli adalah sebuah masyarakat yang jauh tertinggal dalam banyak aspek, namun begitu tidak semestinya mereka juga tidak tahu mengatur cara hidup yang lebih bersistem serta mempunyai struktur susunan masyarakat yang sama dengan masyarakat lain.

Tidak dapat kita nafikan keadaan masyarakat Orang Asli di Post Brook, walaupun mereka dikatakan sebuah masyarakat yang agak mundur dan tidak mendapat pendidikan yang baik namun kehidupan mereka bergantung kepada seorang ketua yang mengendalikan hal ehwal mereka dan seterusnya menjadi hakim dalam apa juar krisis yang berlaku di antara kaum-kaum mereka.

Berasaskan temubual-temubual, mendapati bahawa masyarakat orang Asli di Post Brook mempunyai institusi masyarakat untuk menguruskan hal-hal kehidupan seharian mereka. Sekalipun ternyata mereka tertinggal dalam arus pendidikan negara namun tetap memperlihatkan mereka boleh menguruskan sebuah pentadbiran malah lebih mentaati ketua mereka. Di kalangan mereka ada seorang ketua bagi sebuah kampung sebagai Penghulu, akan tetapi dalam banyak-banyak penghulu ada seorang lagi yang amat dihormati segala buah fikirannya, ianya digelar ‘Chief Penghulu’ atau ‘Menteri Kecik’. Semua pendapat yang diutarakan diguna pakai oleh penghulu.

---

<sup>132</sup>Op cit, hal 30.

Perlantikan mereka bukan sebarang perlantikan tetapi perlantikannya adalah dari sistem budaya dahulu kala. Penghulu-penghulu mendapat elauan dalam menjalankan tugas sama ada elauan itu dari kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat, sebanyak RM 600 setahun.<sup>133</sup> Penghulu yang dilantik ini mendapat elauan bermula semenjak kerajaan mula memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook.

Setakat ini masyarakat orang Asli di Post Brook dikatakan tidak mempunyai ‘Chief Penghulu’ kerana ‘Chief Penghulu’ yang dahulu telah meninggal dunia antara tahun 1997 dan 1998. Sehingga sekarang mereka belum membuat perlantikan lagi bagi jawatan ‘Chief Penghulu’ kerana jawatan ini perlu dipilih dari kalangan orang yang betul-betul layak untuk menjalankan tugas tersebut.<sup>134</sup> Antara lain institusi Orang Asli boleh dibahagi kepada empat peringkat :

1. Penghulu/Batin - Ketua Kampung atau pentadbir satu kawasan atau kampung tentang hal-hal kemasyarakatan, adat-adat dan perhubungan dengan masyarakat luar. 95% Penghulu di Kelantan dibayar elauan tetap oleh Kerajaan Pusat dan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
2. Halak/Bomoh - Mentadbir hal-hal perubatan dan kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus.

---

<sup>133</sup> Temubual Dengan Othman Hj. Ibrahim, Pegawai Dakwah, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 22 Dis. 1998.

<sup>134</sup> Ibid.

3. ‘Consul Of Eldest’<sup>135</sup> - Satu kumpulan orang-orang tua termasuk Penghulu mentadbir hal-hal hukum atau menyelesaikan masalah di kalangan masyarakat mereka.
4. Anak Buah - Orang awam masyarakat Orang Asli yang aktiviti mereka banyak menurut perintah golongan di atas selain daripada ketua keluarga itu sendiri.<sup>136</sup>

Dengan adanya institusi ini masyarakat Orang Asli dapat mengatur hidup mereka dengan baik dan apa yang dilakukan menggambarkan satu tindakan yang adil dalam menanggani segala masalah yang berlaku di antara mereka. Ini bermakna mereka mempunyai daya pemikiran yang tinggi dalam menilai dan meletakkan sesuatu itu pada tempatnya.

#### 4.5 Kemasukan Islam di Post Brook.

Islam adalah satu agama yang universal dan mencakupi semua aspek kehidupan. Sebab itu bagi sesetengah pihak yang belum Islam apabila mengenali dan memahami isi pengajaran Islam, mereka akan cepat tertarik malah mudah menerima Islam sebagai agama pegangan untuk mengarahkan corak hidup mereka.

---

<sup>135</sup> ‘Consul Of Eldest’ bermaksud kumpulan orang -orang tua termasuk penghulu yang menyelesaikan masalah mereka.

<sup>136</sup> Hj. Nik Hassan b. Hj. Nik Yusoff, Op cit, hal 3.

Islam mula bertapak dan diterapkan di Post Brook pada tahun 1982 tetapi kemasukan Islam ke sana tidak begitu terancang dan mendapat perhatian pihak berwajib secara serius<sup>137</sup>. Pada tahun tersebut Islam sampai kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook melalui peranan yang bersifat individu yang berusaha untuk berdakwah kepada masyarakat yang jauh di pendalam dan ianya tidak terikat dengan mana-mana pihak. Malah masyarakat yang telah memeluk Islam di situ tidak diperincikan dengan tepat. Antara orang yang mula-mula memeluk Islam di Post Brook ialah Ishak b. Tam, Malek b. Itam, Mohamad b. Senang dan Senang b. Long.<sup>138</sup>

Pada tahun 1990 barulah masalah penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Post Brook telah diambil alih secara serius oleh pihak tertentu dan ianya telah diperincikan dengan maklumat lengkap dengan data jumlah masyarakat Orang Asli di Post Brook yang memeluk Islam dapat dikenal pasti. Pada tahun tersebut masyarakat Orang Asli di Post Brook telah terbuka hati untuk menerima Islam secara rasmi dan dalam bentuk berkelompok seramai 11 orang. Mereka ini telah di Islamkan oleh YB Tuan Guru Hj. Nik Abd. Aziz b. Hj. Nik Mat.<sup>139</sup> setelah ia mengambil alih tapuk pemerintahan negeri Kelantan sebagai Menteri Besar pada tahun 1990.

Bermula dari situlah penyebaran Islam di kawasan tersebut semakin giat dan kuat, malah mendapat perhatian daripada badan-badan lain yang merasakan

<sup>137</sup>En. Idrus Sulaiman, Op cit.

<sup>138</sup>Tembual Dengan Ustaz Ahmad b. Nordin, Pegawai Dakwah Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 3 November, 1998.

<sup>139</sup>Ibid.

bertanggungjawab untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat Orang Asli dengan Post Brook diberi perhatian utama. Gerakan semakin diperhebatkan dengan satu harapan agar seluruh masyarakat Orang Asli di Post Brook memeluk Islam. Sehingga kini bincian bagi tahun 1997 menunjukkan dari jumlah penduduk Post Brook sekitar 1,700 orang iaitu 400 atau 23.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk telah memeluk Islam.

Perubahan mereka kepada kepercayaan agama baru, bukanlah semata-mata untuk mencuba dan menilai sejauh mana kebenaran serta keunikan agama yang baru mereka anuti, akan tetapi kemasukan mereka berdasarkan kepada beberapa faktor tertentu yang boleh mendorong mereka kepada Islam. Antara faktor tersebut seperti yang berlaku dalam proses menarik mereka kepada Islam, pendakwah perlu memperlihatkan jangkauan yang lebih jelas tentang masa depan mereka apabila mereka menerima Islam, terutama golongan muda.

Sejarah telah banyak membuktikan kenyataan di atas. Temubual yang dilakukan pada masyarakat setempat rata-rata yang telah memeluk Islam pada asalnya mereka tertarik dan kagum dengan nilai akhlak, kebaikan dan keadilan yang terkandung dalam intipati pengajaran Islam yang dapat menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku.

Fakta-fakta ini jugalah telah memberi daya tarikan kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook di samping dorongan-dorongan lain seperti sikap yang ditunjukkan oleh orang Islam yang mereka dapat melalui pergaulan telah

menyebabkan mereka memilih Islam sebagai agama kepercayaan dan pegangan yang baru bagi mereka.

#### 4.6 Pelopor Kepada Penyebaran Islam.

Perbincangan-perbincangan dalam bab yang lepas telah menyebutkan secara umum pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Kelantan, seperti MAIK, ABIM dan PERKIM. Pihak-pihak ini menempatkan diri mereka di kawasan-kawasan yang tertentu dalam usaha menyebarluaskan Islam. Ini kerana mereka mempunyai matlamat dan cara tersendiri mendekatkan diri dalam masyarakat Orang Asli.

Dalam hal ini semacam wujud satu persaingan dalam penyebaran Islam di kalangan Orang Asli. Apabila satu-satu kawasan itu di datangi oleh mana-mana badan, ini bermakna badan lain tidak akan masuk campur kekawasan tersebut. Seperti di Post Sg. Rual, Jeli. Kawasan ini dikendalikan oleh PERKIM sepenuhnya dalam mengerakkan dakwah penyebaran Islam. Kemasukan badan-badan lain kononnya akan menganggu perjalanan dakwah di tempat tersebut dan dikatakan masyarakat Orang Asli susah hendak menerima orang lain masuk ke kawasan mereka. Keadaan ini disebabkan tidak wujud koordinasi yang baik diantara badan-badan tersebut. Ini telah membantu gerakan dakwah yang menyeluruh.

Dalam bab II lepas telah diperkatakan MAIK di antara institusi yang banyak berperanan dalam penyebaran Islam di Post Brook. MAIK telah bertungkus lumus menyampaikan Islam di sini. Ia telah membelanjakan peruntukan yang besar, hampir

RM 300,000.00 setahun bagi menjayakan program-program penyebaran Islam di kalangan Orang Asli di Post Brook.<sup>140</sup>

Antara individu mewakili MAIK sebagai penggerak kepada penyebaran Islam ialah Us. Ahmad Nordin, Us. Othman Hj. Ibrahim dan Us. Fahmi. Dalam tahun 1997 sahaja Pegawai-Pegawai Dakwah MAIK telah mengadakan beberapa siri lawatan dan perjumpaan dengan Orang-orang Asli di Post Brook.<sup>141</sup> Ia permulaan gerakan penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Post Brook semenjak itu perhatian Orang Asli di sini kepada Islam telah bertambah seperti data berikut: pada tahun 1998 jumlah penduduk Orang Asli di Post Brook seramai 1380 orang, 95 orang atau 6.9% telah memeluk Islam dan pada tahun 1999 jumlah bancian terbaru penduduk di sana ialah 1500, 98 orang atau 6.53% telah menerima Islam. Ini menandakan bahawa peningkatan penganut agama Islam telah semakin diterima oleh masyarakat di Post Brook.

Pada tahun 1996 MAIK telah bermurah hati menghantar seorang saudara baru dari Post Brook ke Mekah untuk menunaikan Ibadah Umrah iaitu En. Harun b. Long. MAIK telah memberikan wang saku sebanyak RM350.00 untuk perbelanjaan sewaktu berada di Tanah Suci Mekah serta menyediakan segala peralatan yang perlu untuk menunaikan Umrah termasuk pasport antarabangsa.<sup>142</sup>

---

<sup>140</sup> Us. Ahmad Nordin, Op cit.

<sup>141</sup> Warta Majlis, Op cit, hal 16.

<sup>142</sup> Ibid.

Peranan yang dimainkan oleh MAIK dalam gerakkerja penyebaran kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook amat besar. Ia telah memulakan sinar kecemerlangan Islam di kawasan pendalaman Kelantan.

#### 4.7 Islam Di Post Brook.

Pada lahirnya Pengaruh Islam ke dalam masyarakat Asli di Post Brook masa kini begitu baik dan menyeluruh, walaupun hingga kini belum 100% penduduk Asli di sana menerima Islam namun menunjukkan peratus peningkatan. Ini perkembangan yang cepat kerana penyebaran Islam baru bermula tahun 1987 sahaja. Ini menunjukkan masyarakat Orang Asli mempunyai harapan yang besar untuk menerima Islam jika usaha bersungguh-sungguh dijalankan.

Berpandukan kepada analisis dari data-data yang didapati pada jabatan-jabatan yang berkaitan, berkenaan dengan hal ehwal Orang Asli sama ada dari aspek agama dan kebajikan menunjukkan pencapaianya agak baik, walaupun kalau dilihat bermula pada tahun 1987 memang tidak dinyatakan secara tepat atau laporan detail mengenai pemeluk-pemeluk agama Islam di sana, namun sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perihal sebelumnya mengambarkan bahawa Islam telah ada dianut oleh masyarakat Asli di Post Brook tapi tidak secara terang-terangan. Begitu juga tahun-tahun yang berikutnya sehingga pada tahun 1990 Islam mula dengan rasminya dan telah berjaya mengislamkan masyarakat Orang Asli di sana seramai lebih kurang 11 orang.<sup>143</sup> Diikuti pada tahun yang berikutnya iaitu pada 1991 seramai

---

<sup>143</sup>En. Idrus Sulaiman, Op cit.

18 orang, 1992, seramai 7 orang, 1993 seramai 8 orang, 1994 seramai 31 orang, 1995 seramai 15 orang, 1996 seramai 49 orang dan 1997 seramai 89 orang.

**Data Penduduk Orang Asli Post Brook Memeluk Islam**

TAHUN	JUMLAH DAFTAR	ISLAM	PERATUS
1987	797	-	
1988	847	-	
1989	887	-	
1990	932	11	1.2%
1991	977	18	1.84%
1992	1,032	07	0.7%
1993	1,063	08	0.75%
1994	1,111	31	2.8%
1995	1,168	15	1.3%
1996	1,236	49	3.96%
1997	1,295	89	6.97%
<b>Jumlah Dewasa</b>		<b>228</b>	<b>17.60%</b>
<b>Jumlah kanak-kanak</b>		<b>223</b>	<b>17.22%</b>

Jadual 4.1

Jumlah keseluruhan Orang Asli di Post Brook yang didaftarkan dari tahun 1990 sehingga 1997 ialah seramai 1,295 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 451 orang atau 34.82% yang telah memeluk Islam. Perangkaan menunjukkan 228 orang adalah dari golongan dewasa dan selebihnya adalah dari golongan kanak-kanak seramai 223

Data perangkaan menunjukkan bahawa pencapaian yang paling rendah pemeluk Islam di Post Brook ialah berlaku pada tahun 1992. Hanya 7 orang sahaja

yang memeluk Islam, di mana pada masa ini gerakan penyebaran Islam tidak digerakkan secara giat kerana menghadapi masalah kewangan yang berkurangan. Kedaaan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli di Post Brook kurang tertarik kepada Islam. Sebelum menerima Islam mereka ingin memastikan segala kebajikan mereka diambil tahu dan melalui bantuan-bantuan yang diterima memudahkan mereka menerima Islam, kerana Islamlah ugama yang mendatangkan kebaikan kepada mereka.<sup>144</sup>

Manakala pencapaian yang memuncak dan paling tinggi dicapai dalam penyebaran Islam ialah pada tahun 1997. Di mana pada tahun tersebut seramai 89 orang yang bersedia menerima Islam sebagai agama pegangan mereka. Ini di sebabkan oleh kerana pada tahun tersebut sebagaimana yang disebut oleh Us. Ahmad Nordin, MAIK telah membelanjakan kewangan dengan jumlah yang besar untuk menjayakan program-program yang diatur berjalan lancar. Pada tahun ini sahaja MAIK telah membelanjakan hampir RM200,000 sebagai bantuan menarik masyarakat Orang Asli memeluk Islam.<sup>145</sup>

Di antara dua keadaan yang berlaku menunjukkan bahawa dalam mereka menerima Islam, ada perkara lain yang menjadi matlamat mereka. Kenyataan di atas disokong oleh Prof. Madya Dr. Abd Aziz b. Mohd Zain, dengan mengatakan bahawa

---

<sup>144</sup>Us. Ahmad Nordin, Op cit.

<sup>145</sup>Ibid.

masyarakat Orang Asli mudah memeluk Islam sekiranya bantuan berupa kewangan disediakan.<sup>146</sup>

Dari sudut Islam pula penggunaan kebajikan sebagai daya tarikan kearah Islam diberi perhatian kerana Allah menuntut berjihad dengan tenaga dan harta. Setengah ulama' fekah membuat kesimpulan, hak *Mu'alafati Qulubuhim* dalam pengagihan zakat tidak terbatas kepada yang telah memeluk Islam sahaja dan boleh kepada yang belum memeluk Islam tetapi mempunyai harapan untuk menerima Islam.

Keadaan pemberian bentuk kebajikan ini jelas dapat dilihat dalam usaha MAIK apabila mereka menyediakan sumbangan berupa kewangan sebanyak RM 400 setiap seorang apabila memeluk Islam. Kepada yang masih belum memeluk Islam kebiasaannya pihak yang berwajib akan menyediakan berupa jamuan apabila masuk ke satu-satu kawasan untuk meraikan masyarakat setempat.

Di sini dapat kita simpulkan bahawa masyarakat orang Asli di Post Brook masih bergantung harap kepada kebendaan untuk memeluk Islam. Dan jika tidak diberi, maka mereka tidak memberi perhatian kepada Islam. Namunpun begitu kita tidak nafikan apa yang berlaku adalah hidayah daripada Allah s.w.t. Sebagaimana firmanya:

---

<sup>146</sup> Temubual Dengan Pro. Madya Dr. Abd. Aziz b. Mohd Zain, Dekan Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Islam, UM, Kuala Lumpur, 4 Disember, 1998.

"انك لا مهدى من احبيت ولكن الله يهدى من يشاء وهو اعلم بالمهتدin"

(Surah al-Qasas: 56)

**Maksunya:** Sesungguhnya engkau tidak dapat memberi petunjuk kepada orang yang engkau kasih, tetapi Allah memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

#### 4.8 Faktor Tertarik Kepada Islam.

Islam adalah satu agama komplek dan universal, banyak memberi kemudahan kepada penganutnya, sebagaimana juga dinyatakan bahawa Islam agama yang diturunkan oleh Allah menjadi agama yang direhstiNya. Tersebut dalam firmanNya:

"ان الدين عند الله الاسلام"

(Surah al-Imran: 19)

**Maksudnya:** Bahawa agama di sisi Allah ialah agama Islam.

Melalui pengajarannya yang banyak menyatakan kebaikan-kebaikan apa yang terkandung dalam syariatnya, telah memberi satu daya tarikan dan dorongan kepada non-Muslim untuk mengenali dan menerima Islam sebagai agama anutan mereka. Keyakinan kepada Islam juga telah memberi satu sinaran kepada Islam untuk tersebar dengan lebih meluas lagi.

Berdasarkan kepada ayat ini juga ternyata akan hakikat kedudukan agama Islam sebagai penafian kepada agama-agama lain untuk diterima pakai oleh segenap lapisan masyarakat. Sebagaimana juga Allah s.w.t menekankan bagi orang yang mencari agama lain selain daripada Islam akan mendapat kerugian di akhirat kelak.

FirmanNya:

"وَمَنْ يَتَغَيَّرْ إِلَّا لِلنَّاسِ فَلَمْ يَأْتِهِمْ بِآتِينَا وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسَرِينَ"

(Surah al-Imran: 85)

**Maksudnya:** *Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

Ayat ini menunjukkan satu penegasan daripada Allah bahawa agama Islam lah satu-satunya agama yang baik dan Dia tidak akan menerima sesiapa yang mencari agama selain daripada Islam. Walaupun begitu dalam ayat lain pula menyatakan bahawa dalam ketegasan itu Dia tidak memaksa seseorang itu supaya memeluk Islam.

FirmanNya:

"لَا اكْرَاهُ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرُ بِالظُّفُورِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدْ أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ"

"الْوَثْقَى لَا إِنْفَصَامٌ هُنَّا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ."

(Surah al-Baqarah: 286)

**Maksudnya:** *Tidak ada paksaan dalam agama(Islam), kerana*

*sesungguhnya telah nyata kebenaran Islam dari kesesatan (kufur). Oleh itu sesiapa yang tidak percaya thaghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah) Allah amat mendengar, lagi amat mengetahui.*

Ternyata dalam ayat di atas Allah menegaskan tidak ada paksaan dalam agama yang mana salah satu daripada asas agama Islam ialah tidak memaksa seseorang itu menerima dan memeluk Islam. Yang perlu ialah memberikan penerangan dan dakwah islamiah kepada orang ramai dengan cara yang baik dan bijaksana serta dengan contoh-contoh amalan yang baik menurut ajaran Islam yang sebenarnya.

Dalam ayat lain pula Allah menyatakan melalui FirmanNya:

"قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ اهْتَدَ فَأُنْهَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَأُنْهَا يَضْلِلُ".

"عليها، وما أنا عليكم بوكيل".

(Surah Yunus: 108)

**Maksudnya:** Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia ! telah datang kepada kamu kebenaran (al-Quran) dari tuhan kamu ! oleh itu, sesiapa yang mendapat hidayah petunjuk (Beriman kepadanya), maka faedah hidayah petunjuk itu terpulang kepada dirinya sendiri; dan sesiapa yang sesat (Mengingkarinya), maka bahaya kesesatan itu tertimpa ke atas dirinya sendiri

*dan aku pula bukanlah menjadi wakil yang menguruskan soal (Iman atau keingaran) kamu.*

Jadi dalam penjelasan ayat-ayat di atas memaparkan suatu keterangan tentang hakikat penerimaan masyarakat non-Muslim terhadap Islam berpunca daripada kesedaran berasaskan daya tarikan yang telah ditunjukkan oleh penyebar-penyebar agama Islam dengan akhlak yang baik dan apa yang ada dalam agama Islam itu sendiri.

Begitu jugalah dalam kita mempersoalkan tentang masyarakat Orang Asli di Post Brook. Pemelukan mereka dalam agama Islam adalah berpunca dari beberapa faktor yang telah mendekatkan dan memberi dorongan kepada mereka untuk memilih Islam sebagai suatu cara hidup mereka. Antara faktor-faktor yang menyebabkan mereka tertarik kepada Islam adalah sebagaimana berikut:

**Pertama:** Kebaikan dan Kemurnian Islam - Faktor ini menjadi asas utama tertariknya mereka kepada Islam. Melalui temubual dengan responden, majoriti mereka berpendapat banyak kebaikan-kebaikan yang dibawa oleh Islam melalui kemurnian pengajaran-pengajarannya menuntut kepada melakukan perkara-perkara baik sama ada kepada diri mahupun kepada orang lain.

**Kedua:** Islam adalah agama perpaduan - Wujudnya perpaduan yang baik dalam agama Islam juga salah satu faktor mereka tertarik kepada Islam dengan kerjasama yang baik dan sebagainya.

**Ketiga:** Tingkah laku Orang Islam - Dalam usaha menyebarkan Islam, disamping mereka memberi penerangan dan memahamkan masyarakat Orang Asli dengan pengajaran Islam, Pendakwah juga telah menunjukkan satu sikap yang baik, mudah mesra, melayan masyarakat Orang Asli sehingga masyarakat Orang Asli merasakan bahawa mereka setaraf dengan orang luar. Ini terbukti dalam mana-mana majlis yang diadakan, penyertaan Masyarakat mereka amat baik dan tidak menunjukkan perbezaan sikap dengan masyarakat luar.

**Keempat:** Bantuan - Pihak-pihak yang bertanggungjawab sentiasa menyediakan bantuan berupa duit, pakaian, makanan dan lain-lain lagi. Ini sedikit sebanyak akan memberi dorongan kepada Orang Asli di Post Brook untuk memeluk Islam kerana apabila mereka memeluk Islam segala keperluan mereka akan didapati dengan mudah. Bantuan ini bukan setakat mereka, malah kadang-kadang termasuk juga anak-anak mereka yang bersekolah.

**Kelima:** Perkahwinan - Antara faktor tertarik kepada Islam ialah melalui perkahwinan. Mereka menerima Islam kerana sistem yang ada dalam amalan perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam dengan penjagaan yang baik terhadap pasangan yang berkahwin telah mendorong mereka untuk memeluk Islam. Temubual yang dilakukan dengan responden, menyatakan cara perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam amat baik dan mengagumkan.

**Keenam:** Banyak program-program bersama - Ada juga responden menyatakan antara lain yang menyebabkan mereka tertarik kepada Islam

kerana program-program bersama banyak diadakan di kawasan-kawasan mereka seperti program jamuan Hari Raya sebagaimana yang diadakan oleh MAIK pada tahun 1997 di Post Brook.

Berasaskan kepada faktor-faktor inilah banyak masyarakat Orang Asli di Post Brook telah memeluk Islam. Kerana dengan faktor ini mereka yakin bahawa apa yang ada dalam pengajaran syariat Islam adalah suatu kebaikan yang tidak ada dalam agama lain. Pengajaran Islam ini banyak dan menjamin kebaikan dunia dan akhirat. Berasaskan kepada temubual yang dibuat daripada jumlah keseluruhan responden 19 orang atau 73.1% menyatakan mereka menerima Islam kerana faktor 1, 2, dan 3. Manakala 3 orang atau 11.5% daripada mereka memasukkan perkahwinan antara faktor mereka menerima Islam dan 4 orang atau 15.4% memasukkan faktor bantuan.

Ini menunjukkan bahawa bantuan tidak lagi menjadi perkara utama terhadap penerimaan mereka kepada Islam, walaupun begitu masih ada segelintir masyarakat Orang Asli yang masih bergantung harap kepada perkara demikian kerana mereka ini walaupun bekerja namun pendapatan mereka kadang-kadang tidaklah mencukupi menyara hidup keluarga mereka.

#### 4.9 Pendekatan Islam Di Post Brook.

Gerakan dakwah Islam kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook kepada Islam mempunyai misi yang terbaik. Antaranya adalah untuk menarik mereka mendekati Islam sekaligus agar mereka memeluk Islam. Dengan usaha ini, pendakwah Islam bukan sekadar menyampaikan pengajaran yang berkaitan dengan

Islam, menggunakan tenaga dan sumber metarial semata-mata, malah mereka menyertakan juga cara pendekatan yang terbaik dan bersesuaian supaya masyarakat Orang Asli menerima Islam sebagai suatu kebaikan dalam hidup mereka.

Penyebaran Islam merupakan satu usaha yang berterusan semenjak zaman berzaman berasaskan kepada pendekatan yang telah digariskan oleh al-Quran, namun begitu pendekatan yang digunakan berubah mengikut keadaan masyarakat yang diseru agar mereka dapat menerima Islam dengan baik.

Pemerhatian yang dibuat melalui tinjauan oleh penulis pada 5 - 9 Mei, 1999 mendapati gerakan dakwah yang dilakukan di Post Brook melibatkan dua cara pendekatan. Pendekatan yang pertama ialah pendekatan kepada yang telah Islam dan kedua kepada yang masih belum memeluk Islam.

Pendekatan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli yang telah Islam adalah dengan menziarahi mereka dan menanyakan khabar berserta memberi sumbangan berupa makanan. Dalam pada itu pendakwah mengadakan perbincangan berhubung dengan amalan-amalan ibadah sehari-hari. Adakah mereka dapat mengamalkan dengan baik ataupun tidak, disamping itu pendakwah mengajar perkara-perkara yang patut diajar seperti memperbetulkan bacaan al-Fatihah dan cara mengambil wudu'.

Dalam masyarakat yang belum Islam pula boleh dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama merupakan kumpulan yang masih berpegang dengan

amalan nenek moyang mereka dan yang kedua mereka yang telah mempunyai agama lain selain Islam seperti menganut agama Kristian.

Pendekatan kepada kumpulan yang masih berpegang kepada amalan nenek moyang adalah seperti mengajak mereka menyertai beberapa program kemasyarakatan yang diadakan supaya mereka menyertai bersama dalam masyarakat yang telah Islam. Dengan cara ini sekurang-kurangnya mereka akan mendapat layanan yang baik samada daripada masyarakat Orang Asli yang telah Islam mahupun masyarakat pendakwah itu sendiri. Mereka ini perlu diberikan layanan yang sama dengan masyarakat yang telah Islam. Dengan cara ini mereka akan merasakan bahawa Islam tidak membezakan bentuk masyarakat dalam membuat kebajikan.

Pendakwah Islam juga tidak ketinggalan dalam memberi kebajikan kepada masyarakat agama lain seperti Kristian. Dalam hal ini, pendakwah perlu lebih bersedia menghadapi golongan ini untuk berbincang apabila timbul perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Kerana kadang-kadang penganut agama Kristian mengajukan pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan akidah dan sebagainya dalam mempersoalkan tentang kebenaran agama Islam.

Kesimpulannya bahawa pendekatan dakwah Islam kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook lebih menekankan kepada pendekatan yang berbagai-bagai untuk menarik bukan sahaja masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam kepada lebih memahami serta menghayati Islam malah yang belum Islam agar mendekati masyarakat yang telah Islam.

#### 4.10 Permasalahan.

Gerakan penyebaran Islam di pedalaman merupakan satu gerakerja yang mempunyai cabaran, permasalahan dan halangan yang besar malah berisiko tinggi. Perkara ini adalah menjadi kebiasaan bagi para pendakwah. Ini semua perlu di hadapi dengan tabah oleh pendakwah dalam usaha mencapai matlamat penyebaran Islam.

Post Brook merupakan tempat atau sasaran kajian di mana masyarakatnya menjadi subjek terhadap kajian ini. Kedudukan di pendalaman yang agak jauh merupakan satu permasalahan dan halangan bagi pendakwah menyebarkan Islam di kalangan mereka. Halangan dan cabaran yang dimaksudkan itu boleh dilihat dari dua aspek iaitu aspek dalaman dan aspek luaran.

Aspek dalaman antaranya ialah: Sikap masyarakat Asli itu sendiri yang susah untuk menerima dan menganggap orang luar itu sebagai teman mereka, melainkan setelah mengambil masa yang agak lama berdampingan dengan mereka mahupun berulang kali menziarahi mereka barulah mereka dapat mempercayai apa yang dibawa oleh pendakwah.

Sikap Orang Asli yang suka berpindah randah dari satu kawasan ke satu kawasan lain masih menebal di kalangan mereka. Lazimnya mereka berbuat demikian setelah didapati kawasan penempatan mereka yang lama sudah tidak sesuai lagi kerana kehabisan sumber mata pencarian. Perpindahan kadang-kadang melibatkan orang-orang yang telah memeluk Islam, ini akan lebih merumitkan lagi usaha menyebarkan Islam dan menambahkan pengajaran Islam kepada masyarakat yang

telah memeluk Islam kerana tempat yang baru semakin jauh dan susah untuk dihubungi.<sup>147</sup>

Antara lain cabaran dan halangan bagi pendakwah ialah datang dari golongan yang anti Islam. Kadang-kadang mereka terdiri dari golongan yang berpengaruh dalam masyarakat Asli seperti Batin/Penghulu atau mereka berlatar belakangkan pengajian dan lebih cerdik dari masyarakat Asli lain. Keadaan mereka banyak memberi masalah kepada penyebaran Islam kerana kedudukan mereka boleh mempengaruhi masyarakat Asli yang ingin menerima Islam.

Persaingan dari agama lain seperti agama Kristian dan Bahai juga banyak menghalang malah memberi cabaran kepada pendakwah untuk menghadapi mereka, ini kerana mereka juga bergerak mencari pengaruh atau penganut bagi agama mereka.

Dalam pada itu penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Post Brook tidak lekang dari menghadapi cabaran dan bentuk halangan luaran. Bentuk halangan luaran yang biasa dihadapi oleh pendakwah ialah tempatnya terlalu jauh dan susah untuk dihubungi atau untuk ke sana tidak boleh dengan kendaraan biasa melainkan menggunakan kendaraan pacuan empat roda, kerana keadaan jalan yang agak teruk dan berlumpur. Mungkin juga dengan perhubungan udara seperti Helikopter.<sup>148</sup> Contohnya perjalanan ke Post Brook yang jaraknya sejauh 90 km dari Gua Musang telah mengambil masa yang begitu lama sehinggakan memakan masa

---

<sup>147</sup>Ibid.

<sup>148</sup>Us. Ahmad Nordin, Op cit.

selama 6 jam 30 minit. Ini merupakan satu cabaran dan halangan yang agak sukar perlu dihadapi oleh pendakwah.

Tidak mempunyai peruntukan kewangan dan kebendaan yang baik dan banyak, juga merupakan salah satu halangan yang boleh membantut perjalanan gerakan penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli, walaupun majoriti responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka masuk Islam bukan kerana duit atau bantuan, malah mereka menerima Islam kerana ingin mencari keredhaan Allah di dunia dan akhirat juga kerana kebenaran ajaran Islam itu sendiri. Paling tidak peruntukan yang lebih akan membantu melicinkan gerakan penyebaran Islam. Ini terbukti pada Program yang dianjurkan oleh kumpulan belia G7 yang berlangsung pada 5 -9 Mei, 1999 menelan belanja hampir RM 8,000.00. Ini suatu peruntukan yang besar dalam memberi kebajikan kepada masyarakat Orang Asli dalam usaha dakwah.

#### **Tahap Penerimaan Islam di Kalangan**

##### **Orang Asli di Post Brook.**

BIL	PERKARA	JUMLAH	PERATUS
1	Keredhaan Allah Dunia Akhirat	6	23.1%
2	Kebenaran Ajaran Islam	12	46.1%
3	Bantuan	8	30.8%
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.2

Berdasarkan kepada jadual di atas menunjukkan bahawa Masyarakat Orang Asli Post Brook tidak lagi memeluk Islam kerana mengharapkan bantuan sepenuhnya,

tetapi mereka memeluk Islam kerana kebenaran ajaran Islam dan untuk mencari keredhaan Allah dunia dan akhirat. Sekarang rata-rata Orang Asli sudah mempunyai kerja dan ada pendapatan sendiri sama ada tetap ataupun tidak.

#### **Ceraian Responden Mengikut Pekerjaan**

BIL	PEKERJAAN	JUMLAH	PERATUS
1	Sendiri	18	76.92%
2	Pelajar	3	11.53%
3	Kakitangan Kerajaan	2	7.7%
4	Penganggur	3	3.85%
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.3

Keadaan ini dengan sendirinya dapat menafikan sekiranya ada mana-mana pendapat mengatakan bahawa Orang Asli memeluk Islam bergantung kepada bantuan kewangan seratus peratus.

#### **4.11 Keberkesanan.**

Pada hakikatnya keadaan masyarakat Orang Asli sekarang jauh berbeza daripada keadaan masyarakat Orang Asli dahulu. Kalau dilihat dalam beberapa aspek kehidupan masyarakat mereka ternyata perubahan sikap adalah agenda utama kepada perubahan perkara-perkara lain.

Islam telah mula diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook beberapa tahun yang lepas, boleh kita katakan masih agak baru dalam era

perkembangan Islam yang bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. Dengan berbagai cara dan kaedah pendekatan yang digunakan kepada masyarakat mereka telah menampakkan hasil dan keberkesanannya yang membanggakan dari segi sambutan masyarakat mereka kepada Islam. Peningkatan yang agak ketara dari tahun kesetahun melambangkan masih ada kesinambungan Islam untuk terus tersebar di mana-mana. Masyarakat mereka yang telah memeluk Islam bukan sahaja dari golongan tua, malah terdapat juga mereka ini dari golongan remaja dan kanak-kanak. Tetapi kebanyakan kanak-kanak hanya mengikut kepercayaan Ibubapa mereka sahaja.

#### **Kategori Umur Yang Memeluk Islam**

BIL	UMUR	JUMLAH	PERATUS
1	10 - 15	4	15.4%
2	16 - 20	9	34.6%
3	21 - 60	13	50.0%
<b>Jumlah</b>		26	100%

Jadual 4.4

Kejayaan Islam sampai kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook adalah hasil usaha yang dijalankan oleh Bahagian Dakwah, Majlis Agama Islam Kelantan dengan bantuan jabatan-jabatan lain. Kesan daripada usaha ini memberi harapan kepada Islam untuk bertapak dengan lebih luas lagi di Post Brook. Majoriti responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka memang mengharapkan supaya kesemua masyarakat Orang Asli memeluk dan menerima Islam sebagai agama kepercayaan dan anutan mereka.

Melihat kepada soal selidik yang dilakukan di kalangan mereka menunjukkan mereka telah memberi satu harapan kepada Islam agar Islam terus disebarluaskan dengan lebih giat lagi. Boleh dikatakan majoriti responden yang ditemui menyatakan perkara demikian. Malah mereka mengatakan bahawa selepas mereka memeluk Islam, banyak berlaku perubahan dalam semua aspek kehidupan, kerana mereka faham akan kebenaran Islam. Apatah lagi mereka menerima Islam disebabkan oleh minat dan tertarik di atas kebaikan dan segala apa yang ada pada Islam adalah bersifat positif.

Rata-rata responden juga menerima Islam bukan sekadar mereka, malah mereka amat menggalakkan sekiranya ada orang lain yang ingin dan sudi menerima Islam. Ada juga dari kalangan responden yang memainkan peranan membantu rakan-rakan lain yang masih baru memeluk Islam dengan mengajar mereka dan memberi kefahaman tentang agama Islam. Hakikat ini jelas kedapatan dalam temubual dengan responden yang agak telah lama memeluk Islam dan sudah memahami dengan lebih baik tentang ajaran Islam.

#### Ceraian Responden Yang Berperanan.

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Membantu memberi kefahaman	12	46.15%
2	Tidak buat apa-apa	14	53.85%
	<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>100%</b>

Jadual 4.5

Dalam ceraian ini menunjukkan peratusan Orang Asli berperanan dalam memberi bantuan kefahaman kepada orang yang masih cetek atau baru memeluk Islam adalah tinggi, kerana setidak-tidaknya ada juga di kalangan mereka yang sudah memahami dengan baik ajaran Islam dan sanggup mengajar orang lain untuk kebaikan mereka. Dengan ini mungkin pada satu masa dalam beberapa tahun lagi mereka ini mampu mendakwah masyarakat mereka sendiri yang masih belum memeluk Islam.

